

# Hong Leong Value Fund

Menuai hasil melalui pelaburan nilai



- ⌚ Melaksanakan strategi pelaburan nilai untuk mengenalpasti saham-saham terkurang nilai
  - syarikat yang didagangkan pada diskaun berbanding pasaran atau syarikat seumpamanya
  - syarikat yang kurang diberi liputan oleh syarikat penyelidikan
- ⌚ Akses kepada syarikat-syarikat merangkumi kesemua permodalan pasaran (besar, sederhana, kecil) dalam sektor terpilih
- ⌚ Potensi pertumbuhan modal jangka panjang

<b>Kategori Dana</b>	Ekuiti
<b>Jenis Dana</b>	Pertumbuhan
<b>Penilaian Risiko Produk</b>	Tinggi
<b>Objektif Pelaburan</b>	Untuk mencapai peratusan keuntungan tinggi melalui pelaburan di bawah pengurusan syarikat yang mempunyai kewangan yang stabil di mana sahamnya dijual pada harga yang hampir dengan atau pada diskaun besar berbanding nilai ketara mereka.
<b>Peruntukan Aset (% daripada NAB Dana)</b>	Ekuiti: Minimum 70% Sekuriti pendapatan tetap: Maksimum 30%
<b>Pelaburan Permulaan Minimum</b>	Pelaburan tunai: RM100 Skim Pelaburan Ahli KWSP: RM1,000
<b>Pelaburan Tambahan Minimum</b>	Pelaburan tunai: RM100 Skim Pelaburan Ahli KWSP: RM1,000
<b>Caj Jualan</b>	Pelaburan tunai: Sehingga 6.00% dari Nilai Aset Bersih (NAB) seunit Skim Pelaburan Ahli KWSP: Sehingga 3.00% dari NAB seunit
<b>Yuran Tahunan Pengurusan</b>	2.00% setahun
<b>Yuran Tahunan Pemegang Amanah</b>	0.07% setahun

#### Skim Pelaburan Ahli KWSP (SPA-KWSP)

Hong Leong Asset Management Bhd merupakan salah satu Institusi Pengurusan Dana yang dilantik di bawah SPA-KWSP. Ahli KWSP boleh melaburkan tidak lebih daripada 30% lebihan simpanan pada Simpanan Asas dalam Akaun Persaraan (dahulu dikenali sebagai Akaun 1) ke dalam produk melalui Institusi Pengurusan Dana yang diluluskan. Amaun minimum pengeluaran pelaburan adalah RM1,000 dan pelaburan boleh dibuat sekali pada setiap tiga bulan dari tarikh pengeluaran terakhir. Sila rujuk jadual Simpanan Asas KWSP terkini untuk menentukan kelayakan pelaburan. Sila hubungi Jabatan Khidmat Pelanggan kami untuk senarai terkini Dana. Ahli KWSP yang ingin membuat tukaran di bawah SPA-KWSP tertakluk kepada terma dan syarat KWSP.

Penafian: Risalah ini tidak pernah disemak oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia. Pelabur adalah dinasihatkan agar membaca dan memahami kandungan Prospektus Induk Hong Leong bertarikh 27 Februari 2023 serta Prospektus Induk Tambahan Pertama, Kedua dan Ketiga bertarikh 18 Ogos 2023, 5 Januari 2024 dan 19 Ogos 2024 masing-masing (secara kolektif dirujuk sebagai "Prospektus") dan Lembaran Maklumat Produk ("PHS") sebelum melabur. Prospektus ini telah didaftarkan dan PHS ini telah diserahkan kepada Suruhanjaya Sekuriti Malaysia yang tidak bertanggungjawab ke atas kandungan Prospektus dan PHS tersebut. Pendaftaran Prospektus atau penyerahan PHS ke Suruhanjaya Sekuriti Malaysia tidak bermaksud atau menunjukkan bahawa Suruhanjaya Sekuriti Malaysia telah mengesyorkan atau menyokong dana tersebut. Salinan Prospektus ini boleh diperolehi dari mana-mana pejabat, ejen atau pengedar sah HLAM kami. Lembaran Maklumat Produk juga disediakan dan pelabur berhak untuk memintanya. Lembaran Maklumat Produk dan sebarang dokumen pendedahan produk lain seharusnya dibaca dan difahami sebelum membuat sebarang keputusan pelaburan. Anda juga seharusnya mempertimbangkan yuran dan caj yang dikenakan sebelum melabur. Harga unit dan agihan boleh banyar, jika ada, mungkin boleh turun atau naik, dan prestasi lampau dana bukan indikasi prestasi akan datang. Jika agihan/pecahan unit diumumkan, pelabur adalah dimaklumkan bahawa berikut terdapatnya terbitan unit-unit tambahan/agihan, NAB seunit akan berkurangan dari NAB sebelum-agihan/NAB sebelum-pecahan unit kepada NAB selepas-agihan/NAB selepas-pecahan unit. Di mana pecahan unit diisytiharkan, nilai pelaburan anda dalam Ringgit Malaysia akan kekal tidak berubah selepas unit-unit tambahan diagiikan. Di mana pembayaran unit amanah disediakan, pelabur dinasihatkan agar membaca dan memahami kandungan penyataan pendedahan risiko pembayaran unit amanah sebelum membuat keputusan meminjam untuk membeli unit. Pelabur harus menyedari risiko spesifik untuk Dana sebelum melabur: Risiko sekuriti tertentu, risiko kredit/ingkar, risiko penerbit tunggal, risiko syarikat permodalan kecil dan risiko kadar faedah. Permohonan mesti dibuat menggunakan Borang Membuka Akaun dan Borang Permohonan Pelaburan yang dirujuk dan dilampirkan bersama Prospektus. Dana mungkin tidak sesuai untuk semua dan jika terdapat sebarang keraguan, pelabur seharusnya mendapatkan nasihat bebas. Risalah ini mungkin diterbitkan dalam pelbagai bahasa. Sekiranya terdapat percanggahan atau perbezaan dalam risalah, risalah versi Bahasa Inggeris akan berkuat kuasa dalam semua keadaan.

